

GURU PENYATU BANGSA MALAYSIA



Malaysia mempunyai banyak kaedah untuk menyatukan bangsanya yang berbilang bangsa, kaum, agama, keyakinan dan ideologi. Melalui kaedah itu, mereka memperoleh kekayaan budaya, bahasa, agama, dan ideologi yang menjadi doktrin masing-masing bagi menanganai kehidupan mereka dalam era moden.

Pada suatu hari, mereka menjadi "seseorang". Semuanya berlaku hasil laungan, ajaran, asuhan dan bimbingan guru. Peranan guru bagi membentuk struktur masyarakat Malaysia sangat besar dan bermakna sekali. Guru mempunyai kewibawaan sebagai penerang utama kepada percambahan ilmu mereka yang menghuni negara ini dan menjadi warganegaranya.

Peranan guru bagi membentuk percambahan pemikiran bermula daripada peringkat prasekolah. Ketika berusia lima tahun, kanak-kanak di negara ini menghadiri kelas prasekolah. Pada waktu itu, mereka masih belum mengenali zaman persekolahan secara berfokus. Bentuk pendidikan golongan kanak-kanak ini ialah konsep belajar sambil bermain.

Untuk percambahan potensi seawal zaman kanak-kanak ini, kerajaan menyediakan peruntukan bagi melatih guru dengan pelbagai ilmu sebelum kanak-kanak tersebut beralih ke sekolah rendah. Guru pelatih ini dilengkapi ilmu psikologi kanak-kanak dan kaedah pendidikan yang hendak diterapkan dalam diri dan kehidupan anak didik mereka.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran itu dilaksanakan secara seragam untuk peringkat prasekolah bagi kanak-kanak yang berumur lima dan enam tahun. Keseragaman ini membuktikan kesungguhan kerajaan yang mahu menyatukan pemikiran dan hati serta jiwa rakyat jelata dengan wadah dan pengisian yang sama, dengan hasrat utama agar rakyat jelata dapat wujud bersama-sama di tanah air ini dan saling memahami.

Selepas itu, guru didedahkan kepada ilmu pendidikan peringkat

zaman kanak-kanak daripada umur tujuh tahun hingga 12 tahun. Walaupun sesetengah cendekiawan meletakkan usia 12 tahun sebagai awal remaja, konsep dan falsafah pendidikan negara mengelaskan usia tersebut sebagai masih dalam lingkungan kanak-kanak. Pemikiran dan sikap mereka masih perlu diterapkan dengan nilai murni sejagat sebagai warganegara Malaysia.

Pengisian utama yang dilakukan oleh guru pada zaman awal kanak-kanak daripada usia tujuh tahun hingga sembilan tahun ialah mereka didedahkan kepada kemampuan untuk membaca, menulis dan mengira. Penekanan oleh guru sudah tentu lebih berfokus supaya kanak-kanak dalam usia tersebut dapat, dengan apa-apa juga kaedah, membaca, menulis dan mengira. Dalam lingkungan usia ini juga, guru memastikan bahawa golongan murid peringkat ini didedahkan kepada pelbagai ilmu supaya mereka bukan sahaja boleh membaca, menulis dan mengira, tetapi kreatif dan inovatif secara praktikal melalui latihan pengajaran dan pembelajaran secara dua hala.

Sistem ini juga melalui sukatan yang seragam. Keseragaman ini untuk seluruh penduduk Malaysia dan tidak mengecualikan sesiapa. Yang tinggal di pinggir pantai atau yang tinggal di kawasan pedalaman pun dipastikan agar mendapat pendidikan awal secara berfokus bagi kemampuan untuk membaca, menulis, dan mengira dalam kesepaduan dan integrasi. Pendedahan demi pendedahan diatur oleh guru secara konsisten dengan penuh

komitmen. Melalui perancangan awal, menerusi mesyuarat induk setiap sekolah kemudian disalurkan melalui ketua jabatan dan panitia, semua perkara ini dilakukan supaya pendidikan yang diberikan berkesan untuk semua anak didik mereka.

Kerajaan, melalui Kementerian Pendidikan, bukan sahaja menyediakan sukatan pelajaran khusus, bahkan meletakkan asas pendidikan negara dalam falsafah pendidikan kebangsaan. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan berasaskan falsafah ini, pendidikan negara dicermakan secara konsisten, yang dimantapkan oleh guru yang berpendidikan tinggi untuk membentuk sahsiah pelajar seluruh negara.

Dalam sistem pendidikan Malaysia, tidak terkecuali walau seorang pun, disalurkan peruntukan untuk dinikmati oleh mereka. Golongan ini bukan sahaja murid di sekolah biasa, sekolah kawalan, atau

sekolah berasrama, tetapi murid dari sekolah orang kurang upaya juga. Semuanya mendapat peruntukan guru yang sama dengan sekolah lain dengan tujuan supaya golongan ini juga mendapat layanan yang sama, seperti manusia biasa. Gurulah yang memainkan peranan penting untuk mengasuh, memperkukuh, dan memantapkan ilmu pengetahuan kepada golongan ini sehingga mereka boleh bermain, belajar, dan bergaul sesama sendiri tanpa mengira bangsa.

Dalam kaedah baharu pendidikan Malaysia, yang memberikan penekanan kepada sistem dua hala, sangat jelas akan maksud kerajaan yang mahu mewujudkan perpaduan dan integrasi nasional. Guru membentuk kumpulan. Dalam kumpulan itu, mereka disarankan dengan pelbagai kaedah pendidikan, termasuklah mendapatkan tajuk, mencari bahan melalui informasi terkini,

Guru mengasuh murid untuk menghadapi masa hadapan.





Sumbangan guru kepada seseorang amat besar.

Foto: <https://warisnews.files.wordpress.com>

membina jawapan, melakukan perbincangan dan melakukan pembentangan.

Sistem pembelajaran sendiri ini membuktikan kesungguhan kerajaan yang mahu menyatupadukan rakyat Malaysia melalui kaedah pendidikan bersepadu. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui sistem ini, guru boleh membuat penilaian terhadap hasil kerja yang dilakukan oleh murid. Tugas utama guru sekarang ialah mereka menyediakan arahan dan menilai setiap sudut secara fleksibel. Selepas itu, markah penilaian diberikan.

Yang hendak ditunjukkan di sini ialah kemampuan guru untuk menyatukan bukan sahaja komuniti pelajar yang terlibat dalam pembelajaran dan pengajaran, tetapi di luar persekolahan juga, mereka berasa bertanggungjawab untuk menjaga kehormatan dan maruah rakan seperjuangan tanpa mengira bangsa dan keyakinannya. Di luar waktu persekolahan normal, iaitu selepas selesai pendidikan di bilik darjah, guru cuba pula untuk membebaskan tekanan dan bebanan yang bermain dalam kepala dan jiwa. Mereka dibawa berkhemah, membina khemah, menyediakan tempat

bermalam, dan memasak sesama mereka dengan rasa penuh tanggungjawab.

Guru mengasuh murid Melayu, Cina dan India, sebagai contoh, dalam satu kumpulan dan membiarkan mereka belajar kemahiran hidup di tanah air ini. Melalui perkhemahan seperti itu, mereka dapat mengenali hati budi bangsa yang berlainan keturunan, budaya dan kepercayaan, serta saling menghormati.

Dengan kemampuan guru untuk memberikan pengajaran kepada muridnya, mereka sudah tentu mendapat ilmu yang sama. Misalnya, jika Sejarah, tentulah Sejarah yang sama. Untuk mengenali tokoh, tentulah tokoh yang sama. Geografi, Sains, Matematik, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Kemahiran Hidup, dan apa-apa juga mata pelajaran tentulah daripada sukatan dan sistem yang sama.

Oleh sebab itu, pertukaran guru Melayu ke sekolah Cina dan guru Cina ke sekolah Melayu dan Cina memberikan impak yang sangat besar kepada perpaduan dan integrasi. Anak Cina boleh belajar daripada guru berbangsa Melayu dan mereka bukan sahaja dapat mengenali kaum utama dan terpenting di negara ini, tetapi menyelongkar

corak dan budaya hidup Melayu.

Sama juga dengan kaum Cina dan India, anak didik mereka daripada bangsa Melayu dapat saling mencedok ilmu daripada kedua-dua etnik negara ini. Hal ini merupakan pengalaman yang amat bermakna bagi semua pelajaran. Walaupun anutan dan kepercayaan berbeza, mereka tidaklah pula menyentuh agama anutan masing-masing dalam konteks pendidikan sejagat. Maka guru yang pintar cuba untuk menggunakan kesempatan ini bagi memartabatkan bangsa Malaysia melalui sistem pendidikan yang telah disediakan dan diatur oleh kerajaan.

Yang sangat pentingnya ialah kejayaan guru mendidik anak bangsa sehingga dapat menyentuh hati murid mereka. Guru sanggup berkorban apa-apa sahaja untuk kejayaan anak didik mereka. Dalam sistem pendidikan, guru disarankan supaya mengajar anak murid mereka dengan penuh kasih sayang. Guru, sebagai idola murid, hendaklah datang pada awal pagi, dengan berpakaian lengkap dan kemas. Hal ini dilakukan supaya murid yang melihat situasi itu dapat meniru guru mereka.

Perkara ini bersesuaian dengan pepatah Melayu guru kencing berdiri, murid kencing berlari. Falsafah Melayu ini mempunyai pengajaran yang cukup besar dalam sistem pendidikan konvensional dan moden. Hal ini bermaksud bahawa apa-apa sahaja yang dilakukan oleh guru akan diperhatikan dan ditiru oleh anak murid. Hal ini juga bermakna bahawa kalau guru pandai menghisap rokok, anak

murid akan lebih pandai lagi kerana mereka belajar daripada tindakan guru.

Dalam Islam, guru dianggap sebagai murabbi. Murabbi, dalam konteks pendidikan, ialah insan istimewa yang sangat sesuai untuk dijadikan sebagai suri teladan kepada murid yang sedang mencari ilmu pengetahuan untuk digunakan oleh dirinya sepanjang menjalani kehidupan pada masa akan datang.

Yang paling penting dalam tajuk ini ialah sejauh mananya guru yang mendapat pendidikan dari institusi pendidikan guru dapat membina kewibawaan pelajar sehingga pengajarannya boleh terbawa-bawa ke rumah, terutama darihal perpaduan dan integrasi nasional ini. Hal ini dikatakan demikian kerana seperti yang penulis ini perhatikan, ketika di sekolah murid akan menghormati guru sebagai tenaga pengajarnya, tetapi apabila pulang, mereka lebih meletakkan ibu bapa sebagai guru mereka pula.

Dua situasi ini cukup berbeza dan sudah tentu membuntukan pemikiran kanak-kanak dan remaja bagi memilih identiti diri pada zaman yang bergelombang ini. Kita, sebagai

Usman Awang.



Foto: <http://mmbarkata.blogspot.my>

rakyat Malaysia, tentunya tidak mahu melihat warganegara Malaysia terumbang-ambing tanpa haluan dan tidak mempunyai pendirian hidup, sedangkan sistem pendidikan negara ini antara yang bernilai dan bertaraf tinggi. Sistem ini memantapkan kewibawaan guru dan guru pula menyusun atur pendidikan murid agar berlaku penyatuan bangsa Malaysia.

Buku teks sekolah berteraskan dan berkonsepkan Malaysia dikawal selia oleh Kementerian Pendidikan. Ada bahagian di kementerian yang mengendalikan pembinaan buku teks ini dengan memasukkan unsur patriotisme serta wajah dan budaya Malaysia yang memasukkan ciri budaya orang Melayu, Cina, dan India sebagai komuniti induk. Budaya golongan minoriti lain juga diselitkan dalam sistem pendidikan untuk menyatukan dan memperkaya hati jiwa nurani rakyat negara ini.

Oleh sebab itu, lihatlah betapa tajamnya pemikiran Usman Awang yang mengukir sajak tentang guru pada tahun 1979:

*Berburu ke padang datar
Dapat rusa belang kaki
Berguru kepalang ajar
Ibarat bunga kembang tak jadi.*

*Dialah pemberi paling setia
Tiap akar ilmu miliknya
Pelita dan lampu segala
Untuk manusia sebelum jadi
dewasa.*

*Dialah ibu dialah bapa juga
sahabat
Alur kesetiaan mengalirkan
nasihat
Pemimpin yang ditauliahkan
segala umat*

*Seribu tahun katanya menjadi
hikmat.*

*Jika hari ini seorang perdana
menteri berkuasa
Jika hari ini seorang raja menaiki
takhta
Jika hari ini seorang presiden
sebuah negara
Jika hari ini seorang ulama yang
mulia
Jika hari ini seorang peguam
menang bicara
Jika hari ini seorang penulis
terkemuka
Jika hari ini siapa sahaja menjadi
dewasa.*

*Sejarahnya dimulakan oleh
seorang guru biasa
Dengan lembut sabarnya
mengajar tulis-baca.
Di mana-mana dia berdiri di
muka muridnya
Di sebuah sekolah mewah di ibu
kota
Di bangunan tua sekolah Hulu
Terengganu
Dia adalah guru mewakili seribu
buku;
Semakin terencil duduknya di
ceruk desa
Semakin bererti tugasnya kepada
negara.*

*Jadilah apa pun pada akhir
kehidupanmu, guruku
Budi yang diapungkan didulangi
ilmu
Panggilan keramat "cikgu" kekal
terpahat
Menjadi kenangan ke akhir hayat.*

*Begitulah betapa peranan
guru sebagai penyatu bangsa
Malaysia memang bermakna
sekali. Ungkapan puisi yang
digarap oleh Usman sangat
bermakna bagi menyatakan
kebenaran bahawa guru penyatu
bangsa Malaysia.*